



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG

MAKLUMAT VAKSIN COVID-19 BAGI PENERIMA VAKSIN NEGERI PAHANG

**PANDUAN PENERIMA VAKSIN
CORONAVAC (SINOVAC)**



Jabatan Kesihatan Negeri Pahang




Promosi Kesihatan JKNP



Koi Nak Sihat





**Saya adalah
penerima vaksin
COVID-19**

**Apa maklumat
yang perlu saya
tahu?**

MENGENALI COVID-19

Penyakit COVID-19 disebabkan oleh coronavirus SARS-CoV-2.





GEJALA COVID-19



**GEJALA
COVID-19**



**Gejala mungkin muncul 2 hingga 14 hari
selepas terdedah kepada virus.**

**Demam atau
menggigil**

Batuk

Sesak nafas

Keletihan

**Sakit otot
atau badan**

Sakit kepala

**Kehilangan
deria rasa
atau bau**

Sakit tekak

**Kesesakan atau
hidung berair**

**Loya atau
muntah**

Cirit-birit

Siapakah Golongan Berisiko?



Kanak-kanak



**Warga emas
berusia 60 tahun
ke atas**



**Pesakit dengan
penyakit kronik**



**Pesakit dengan daya
ketahanan badan
yang rendah**



Wanita hamil



KEPENTINGAN MENGAMBIL VAKSIN COVID-19

Vaksin COVID-19 diberikan kepada manusia bagi mengawal penularan penyakit COVID-19.



HUKUM PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19

Hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.

(Sumber: Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-10, 3 Disember 2020)



SIAPA YANG **LAYAK** MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?



02

**Semua penduduk Malaysia berusia 18 tahun
dan ke atas.**

SIAPA YANG **TIDAK LAYAK** MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

- 1 Mempunyai alahan kepada CoronaVac atau mana-mana bahan kandungan CoronaVac. Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk ruam atau kegatalan kulit, sesak nafas dan bengkak pada muka atau lidah. Hubungi doktor anda atau pergi ke hospital kecemasan terdekat dengan segera sekiranya anda mengalami tindak balas alahan.
- 2 Mempunyai sejarah alahan terhadap mana-mana vaksin yang lain.
- 3 Mempunyai masalah sistem saraf yang teruk seperti radangan saraf tunjang dan sindrom *Guillain-Barre*.
- 4 Mempunyai penyakit teruk dan/atau kronik yang tidak terkawal.
- 5 Jika anda mengandung atau menyusukan bayi.

ADAKAH KANAK-KANAK, REMAJA DAN WARGA EMAS LAYAK MENERIMA VAKSIN CORONAVAC?

TIDAK

- CoronaVac tidak disarankan untuk kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah kerana data keselamatan dan keberkesanan yang terhad buat masa ini.
- Penggunaan vaksin kepada warga emas berusia 60 tahun dan ke atas pada masa sekarang adalah tidak disarankan.

ADAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN VAKSIN COVID-19 SEKIRANYA SAYA SEDANG MENGANDUNG ATAU MENYUSU BAYI?

- Data mengenai penggunaan CoronaVac oleh wanita hamil atau sedang menyusui bayi adalah terhad.
- Penggunaan vaksin ini oleh wanita hamil dan ibu yang menyusui bayi adalah **tidak disaran**.



Ciri-ciri Vaksin CoronaVac (Sinovac)



Jenis Vaksin

- Virus nyahaktif

Fungsi

- Teknologi terbukti.
- Menggunakan virus nyahaktif.
- Virus dimatikan menggunakan suhu yang tinggi, radiasi atau bahan kimia.
- Virus yang telah dimatikan merangsang tindak balas imun.
- Badan menghasilkan tindak balas imun ke atas jangkitan.

Jumlah dos

- 12,000,000

Suhu simpanan

- 2 - 8°C

Negara pengguna

- Malaysia
- Brazil
- Cambodia
- Chile
- China
- Hong Kong
- Indonesia
- Turkey

- Selamat & berkesan.
- Mengelak gejala yang teruk pada pesakit COVID-19.

**ADAKAH SAYA DIBERI PILIHAN UNTUK
MEMILIH JENIS VAKSIN COVID-19?**

TIDAK

**Jenis vaksin COVID-19 bergantung kepada
bekalan sedia ada di pusat vaksinasi.**



ADAKAH VAKSIN COVID-19 CORONAVAC SELAMAT PENGGUNAANNYA DI MALAYSIA?

- Pihak Berkuasa Kawalan Dadah Malaysia (*Drug Control Authority of Malaysia*) telah membenarkan pendaftaran bersyarat penggunaan vaksin di Malaysia.
- Penggunaan Kecemasan Kebenaran (EUA) telah diluluskan oleh pihak berkuasa kesihatan di Mexico, Brazil, Chile, Paraguay, China, Hong Kong, Turki, Kemboja dan Indonesia.



SEBELUM MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Maklumkan kepada petugas kesihatan sekiranya anda..

- Mempunyai sejarah alahan yang teruk;
- Sedang mendapat rawatan yang merendahkan sistem imun badan;
- Mempunyai penyakit saraf teruk seperti *Tranverse Myelitis, Guillian-Barre Syndrome, Demyelinating Disease*;
- Mempunyai penyakit kronik teruk yang tidak terkawal
- Sedang mengandung atau merancang untuk hamil;
- Sedang menyusukan bayi; atau
- Telah menerima vaksin COVID-19 daripada jenama yang lain.



BAHAN-BAHAN YANG TERKANDUNG DALAM VAKSIN COVID-19 CORONAVAC



- Bahan aktif adalah SARS-CoV-2 yang telah mati dan tidak aktif.
- Bahan-bahan yang tidak aktif adalah:

*aluminium
hydroxide*

*disodium
hydrogen
phosphate*

*monosodium
dihydrogen
phosphate*

*sodium
chloride*

*sodium
hydroxide*

water

- CoronaVac tidak mengandung alkohol dan bahan pengawet.

BAGAIMANA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC DIBERIKAN?



1


Suntikan ke dalam
otot bahu.

2

Sebanyak dua (2) dos
vaksin akan diberikan
dalam selang masa
tiga (3) minggu (21 hari).

ADAKAH SAYA AKAN DILINDUNGI SEPENUHNYA SELEPAS MENERIMA VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

1. Vaksin akan mula menunjukkan keberkesanan melalui peningkatan antibodi dalam badan selepas dos pertama diberikan.
2. Pembentukan antibodi meningkat secara mendadak selepas pemberian dos kedua.
3. Seseorang akan dilindungi secara optima selepas menerima kedua-dua dos untuk mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang teruk.



**WALAUPUN TELAH MENERIMA
DOS LENGKAP VAKSIN COVID-19,
PASTIKAN ANDA SENTIASA
AMALKAN NORMA BAHARU**

**AMAL
3W**

**ELAK
3S**

1. Wash (Cuci)



Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau guna *hand sanitizer*.

2. Wear (Pakai)



Pakai pelitup muka.

3. Warn (Amaran)



Elak bersalaman atau bersentuhan.



Lakukan disinfeksi pada permukaan yang kerap disentuh.



Amalkan etika batuk dan bersin dengan betul.



Segera dapatkan rawatan sekiranya bersejela.



Duduk di rumah jika tiada urusan penting di luar.

**AMAL
3W**



1. *Crowded Places*
(Tempat sesak)



2. *Confined Spaces*
(Tempat sempit
dan tertutup)



3. *Closed Conversation*
(Sembang dekat-dekat)

**ELAK
3S**

Selepas menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

1

Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya

30 minit.



Selepas menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

2


Memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami **tanda-tanda berikut** selepas menerima vaksin COVID-19:



Kesukaran bernafas




Pembengkakan muka, bibir dan tekak



Denyutan jantung yang sangat cepat



Ruam teruk timbul di seluruh badan



Merasa pening dan lemah tubuh badan


Selepas menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

3

Sentiasa **mengamalkan norma baharu** dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.



Pakai pelitup muka



Patuhi jarak fizikal 1 meter antara satu sama lain ketika berurusan.



Sentiasa disinfeksi permukaan yang kerap disentuh.



Kerap basuh tangan dengan air dan sabun atau guna *hand sanitizer*.



Duduk di rumah jika tiada urusan penting di luar.




Segera dapatkan rawatan jika bergejala.

Selepas menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

4

- Anda perlu menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan.
- Apabila mendapat dos pertama, anda akan diberi kad vaksinasi untuk menunjukkan bila anda perlu mendapatkan dos kedua vaksin COVID-19 CoronaVac.


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAD VAKSINASI COVID-19

NAMA	
NO. KAD PENGENALAN	

Telah menerima suntikan vaksin COVID-19 jenama

Tarikh Temujanji Dos 2

	DOS 1	DOS 2
Tarikh Penerimaan		
Fasiliti Pemberian Vaksin		
No. Kumpulan (Batch No.)		
Tarikh Luput		

TINDAKAN PERLU DIAMBIL SEKIRANYA ANDA MENGALAMI REAKSI SELEPAS TERIMA VAKSIN COVID-19

Sakit dan merah di tempat suntikan.	Anda boleh mengambil Paracetamol sekiranya perlu
Demam, menggigil, sakit kepala, otot atau sendi	
Berasa letih	Anda perlu berehat
Bengkak kelenjar	Akan sembuh dalam beberapa hari
Tanda-tanda reaksi teruk yang mungkin berlaku: <ul style="list-style-type: none">• Kesukaran bemeafas• Pembengkakan muka dan telakanda• Denyutan jantung yang cepat• Ruam teruk di seluruh badan anda• Rasa lemah dan pening	Dapatkan rawatan segera di hospital atau klinik yang berhampiran

Sila laporkan kesan sampingan selepas menerima vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera atau Segera maklum kepada klinik atau hospital yang terdekat untuk mendapatkan rawatan. Anda juga boleh membuat laporan secara atas talian di laman sesawang : www.npra.gov.my

KESAN SAMPINGAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC

Kesan sampingan adalah ringan dan bersifat sementara:

- Sakit di tempat suntikan
- Bengkak di tempat suntikan
- Keletihan (*tiredness*)
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Menggigil
- Sakit sendi
- Demam

- Hilang selera makan
- Sakit perut
- Kemerahan di tempat suntikan
- Loya
- Berasa tidak sihat
- Pembengkakan kelenjar limfa
- Kesan-kesan sampingan yang mungkin akan dilaporkan daripada semasa ke semasa

KESAN SAMPINGAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC

Walaupun sangat jarang berlaku, ada kemungkinan Vaksin COVID-19 CoronaVac boleh menyebabkan reaksi alahan yang teruk. Gejala alahan yang teruk biasanya berlaku dalam tempoh beberapa minit hingga satu jam setelah menerima Vaksin COVID-19 CoronaVac.

SEKIRANYA SAYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN, APA YANG SAYA PERLU LAKUKAN?

- Sekiranya anda mengalami kesan sampingan, sila dapatkan rawatan dengan segera ke klinik kesihatan atau hospital terdekat.
- Sila laporkan kesan sampingan selepas menerima vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera atau secara atas talian di laman sesawang: www.npra.gov.my. Terdapat juga kemungkinan kesan sampingan yang lain yang belum dilaporkan.




BOLEHKAH SAYA MENOLAK UNTUK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 CORONAVAC?

Penerimaan vaksin adalah
secara **SUKARELA.**

TERIMA

TOLAK



BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN VAKSIN?

1. Sila bertanya kepada petugas kesihatan.

2. Layari:

- <https://www.vaksincovid.gov.my>
- <https://npra.gov.my>
- WHO: www.who.int

PILIH UNTUK MENERIMA VAKSIN COVID-19



Pengambilan vaksin adalah pilihan terbaik bagi melindungi diri dan orang lain daripada jangkitan COVID-19. Selain terus patuh kepada SOP Norma Baharu.

#kitajagakita

#vaksinmelindungi

Pastikan anda sentiasa patuhi
SOP Norma Baharu dalam
kehidupan seharian walaupun
selepas menerima suntikan
vaksin COVID-19.

[#kitajagakita](#)

[#vaksinmelindungi](#)



PILIHAN TERBAIK bagi melindungi diri dan orang lain daripada jangkitan COVID-19.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

 Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

 Promosi Kesihatan JKNP

 Koi Nak Sihat

 Koi Nak Sihat

Terbitan



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG**